

NO.SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG**  
**[KLUANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 2 APRIL 2018 (ISNIN)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengenai **hasil siasatan** serta **tindakan susulan** yang diambil terhadap kejadian gangguan bekalan elektrik di Johor Selatan yang berpanjangan selama lebih 72 jam pada 12 Disember 2017, dan adakah TNB memberi **pampasan sewajarnya** kepada pihak yang mengalami kerugian akibat gangguan bekalan elektrik.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Gangguan bekalan elektrik di Johor Selatan pada 12 Disember 2017 adalah disebabkan oleh kerosakan berpunca daripada *flashover* atau kebakaran yang berlaku pada Pemutus Litar 33kV di PMU Perling, Johor Bahru. Kejadian tersebut telah menyebabkan sistem Tenaga Nasional Berhad (TNB) kehilangan sebanyak 54 megawatt tenaga yang menjejaskan bekalan kepada 18,263 pengguna di kawasan Bukit Indah, Perling, Country Garden dan kawasan sekitar.
2. Dalam hal ini, pihak TNB telah mengambil tindakan pantas untuk menyambung semula bekalan yang terjejas melalui punca bekalan lain, iaitu sambungan berperingkat melalui jana kuasa mudah alih kepada pengguna kuasa besar iaitu AEON Bukit Indah, Paradigm Mall JB, Country Garden Condominium.

3. Hasil daripada pembaikan peralatan terjejas dan proses sambungan bekalan tersebut:
  - (a) 50% pengguna telah mendapat semula bekalan dalam tempoh 10 minit;
  - (b) 36% pengguna telah mendapat semula bekalan dalam tempoh 4 jam; dan
  - (c) 14% pengguna lain mendapat semula bekalan secara berperingkat sehingga melebihi 72 jam. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh proses mengenal pasti punca-punca kebakaran dalam sistem yang lebih kompleks dan kerja-kerja pemulihan bekalan.
  
4. TNB juga sedang melaksanakan langkah mitigasi bagi mengelakkan kejadian sama berulang dengan merancang beberapa projek memperkukuh sistem voltan tinggi di kawasan selatan Johor, dan juga kajian semula ke atas pemasangan alatsuis yang terlibat. Penambahbaikan ke atas pemasangan tersebut akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Suruhanjaya Tenaga telah menetapkan tahap prestasi yang perlu dipatuhi oleh TNB atau dikenali sebagai *Guaranteed Service Level* - GSL. Sekiranya TNB tidak mematuhi GSL yang ditetapkan, pihaknya perlu membayar rebat kepada pengguna yang terlibat. Dalam hal ini, sebanyak 16,995 pengguna menepati kriteria untuk layak diberikan rebat oleh TNB.
  
6. Pada masa ini, TNB sedang dalam proses pembayaran rebat tersebut dan dijangkakan pengguna-pengguna terlibat menerima rebat dalam bil bulan Mac 2018. Jumlah bayaran rebat seperti yang ditetapkan dalam GSL adalah seperti berikut:
  - (i) rebat sebanyak 1% daripada bil bulanan dengan jumlah minimum RM10 bagi pengguna kategori domestik;
  - (ii) pengguna kategori komersial menerima rebat sebanyak 1% daripada bil bulanan dengan jumlah maksimum RM300; dan
  - (iii) pengguna kategori industri menerima rebat sebanyak 0.5% daripada bil bulanan dengan jumlah maksimum RM1000.

Sekian, terima kasih